

11 JUL 2000
Najib-Siasat

ROMPAKAN SENJATA: ANGGOTA TENTERA CUIAI BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN BERAT

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Anggota tentera yang didapati cuai sehingga berlakunya kejadian rompakan senjata di kem Askar Wataniah di Perak awal bulan ini akan dikenakan tindakan disiplin atau tindakan lebih berat daripada Mahkamah Tentera, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata ia bergantung kepada hasil siasatan lembaga siasatan peringkat tertinggi yang keanggotaannya akan diumumkan sehari dua lagi.

Siasatan itu akan menentukan sama ada kejadian itu berpunca daripada kesilapan manusia atau disebabkan adanya kelemahan dalam prosedur tetap perkhidmatan yang diamalkan sebelum ini.

"Siasatan itu kita akan buat dengan penuh rapi dan tindakan dalam bentuk disiplin atau yang lebih berat daripada court martial (akan dikenakan ke atas anggota yang cuai), ini bergantung kepada hasil siasatan board of enquiry ini," katanya.

Beliau ditemui selepas menerima kunjungan hormat Kepala Staf Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara, Marsekal TNI Hanafie Asnan di Wisma Pertahanan di sini.

Najib yang ditanya sama ada kerajaan telah mengenal pasti mengenai siapa yang bertanggungjawab sehingga berlakunya kejadian rompakan itu berkata kementerian kini dalam proses menubuhkan lembaga itu.

"Ini (penubuhan lembaga) perlu dilakukan sebab kerajaan kemungkinan besar akan membenteng kertas putih. Jadi segala input perlu disumbangkan oleh Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri," katanya

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengeluarkan kertas putih berhubung kejadian di Bukit Jenalek di Sauk minggu lepas.

Kertas putih itu akan mengandungi laporan menyeluruh mengenai kes berkenaan bermula daripada rompakan senjata di Kem Askar Wataniah di Gerik, Perak oleh kumpulan daripada pertubuhan seni bela diri Al-Ma'unah.

Pada 2 Julai lepas, 15 lelaki lengkap berpakaian celoreng tentera yang diketuai oleh seorang "Leftenan Kolonel" melarikan 119 raifal automatik dan 5,000 butir peluru dari Kem 304 Askar Wataniah itu.

Semasa ditanya sama ada terdapat lagi anggota tentera yang menjadi ahli kumpulan itu, Najib berkata anggota kumpulan itu ada di jabatan kerajaan, polis dan tentera.

Beliau berkata kementerian kini menunggu soal siasat bagi mengenal pasti tujuan dan rangkaian sama ada anggota tentera yang terlibat itu aktif atau hanya sebagai pengikut atau telah menyampaikan apa-apa maklumat dalaman.

"Kesemua mereka yang dikenal pasti sebagai anggota Al-Ma'unah akan disoal siasat sebelum mereka diminta bersara ataupun dibenarkan berkhidmat...mesti dilakukan tapisan keselamatan terlebih dahulu," katanya.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan semangat Askar Wataniah berkurangan selepas kejadian rompakan itu, Najib berkata semangat mereka perlu dipulihkan dan mereka perlu menjaga imej dengan menunjukkan tahap penjagaan keselamatan kem berada di tahap yang ketat.

"Saya berharap mereka akan mengambil iktibar dan pengajaran yang pahit ini untuk melakukan apa sahaja yang perlu untuk memasti kawalan sebaik mungkin terutama mentaliti, sikap anggota dalam menjalankan tugas senteris dan menjaga simpanan senjata. Mereka ini bukan sahaja mesti tahu prosedur

tetapi perlu patuh prosedur sepanjang masa," katanya.

Najib berkata kerajaan memandang serius dengan kegiatan seperti Al-Ma'unah itu yang sanggup menggunakan kekerasan untuk mencapai tujuan politik mereka sehingga mengancam keselamatan negara.

Sebelum itu, Najib menyampaikan Pingat Gagah Angkatan Tentera (Kehormat) kepada Hanafie.

-- BERNAMA

NHD ES MAI